

INSIDEN LAHAD DATU BUKTI KEUTUHAN SEMANGAT PERPADUAN

Oleh Sakini Mohd Said

BANGI, 14 Sept (Bernama) -- Insiden Lahad Datu, Sabah yang menggemparkan negara awal tahun ini menyedarkan semua betapa pentingnya kedaulatan negara dipelihara.

Ancaman boleh berlaku pada bila-bila masa apabila adanya peluang tetapi jika negara sudah bersedia bersatu dan rakyat sedar akan faktor penting itu, apa jua pun ancaman dan cabaran tidak akan menggugat keharmonian yang wujud.

"Banyak boleh dipelajari daripada insiden Lahad Datu dan ia telah menjadi satu kayu ukur sejauh manakah integrasi Semenanjung, Sabah, dan Sarawak," kata pensyarah kanan Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Abdul Ghapa Harun.

Beliau mengakui bahawa insiden itu walaupun satu detik hitam bagi negara, ia merupakan iktibar kepada semua.

SATU SUARA

Selain menyelami erti kemerdekaan dan pemangkin meledakkan semangat patriotisme, ia juga sebagai medan menyaksikan keutuhan perpaduan rakyat yang bersatu "suara" di bawah payung Malaysia bangkit mempertahankan kedaulatan negara.

Boleh diumpamakan adik beradik, hubungan terjalin antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak penggabungan Malaysia pada 16 September 1963 cukup besar kesannya.

Menurut Abdul Ghapa, tanpa mengira fahaman dan kecenderungan politik, rakyat berbilang kaum rasa tercabar dengan insiden Lahad Datu.

Mereka bangkit mempersoalkan kewajaran pencerobohan dan tidak mahu membiarkan Sabah terlepas begitu sahaja dan diperintah pegganas.

Rasa marah semakin menggelojak apabila tragedi hitam itu turut meragut

nyawa lapan anggota polis dan dua tentera dalam Operasi Daulat serta mencederakan mereka yang sudah meninggal.

Berpegang teguh kepada semangat perpaduan walaupun terpisah oleh Laut China Selatan dari sudut geografinya, rakyat berbilang kaum mempersoalkan akan ke manakah perginya nilai kemanusiaan kumpulan penceroboh itu sehingga sanggup bertindak sedemikian rupa.

"Mereka marah, rasa terancam seolah-olah rumah sendiri telah diceroboh orang. Rasa marah itu adalah tanda baik kerana itu membuktikan bahawa rakyat kita masih patriotik dan bersatu apabila kedaulatan negara tercabar," katanya.

SIMPATI KUKUH 1MALAYSIA

Remuk hati, terasa begitu hiba dan simpati menyelubungi diri rakyat Malaysia meratapi pemergian wira negara yang gugur dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Ada sehingga mengalirkan air mata tatkala melihat wajah sugul isteri bersama anak-anak kecil yang tidak tahu akan ertinya, menanti setia ketibaan jenazah suami yang gugur di perbatasan.

Mereka tidak ada senjata untuk turut serta berjuang tetapi meluahkannya dalam pelbagai cara sebagai sokongan padu kepada rakyat Sabah.

Ada yang mengutip dana, bersolat hajat, menerbitkan drama dan dokumentari berkisar mengenai insiden itu, bertafakur sebelum memulakan sesuatu program serta memastikan bekalan makanan bagi penduduk yang terpaksa berpindah ke penempatan sementara sentiasa mencukupi.

"Apabila berlakunya insiden yang merupakan satu pencabulan kedaulatan Malaysia, sudah tidak ada beza dan jurang yang kita ini orang Sabah, Sarawak mahupun Semenanjung," kata Abdul Ghapa.

Perdana Menteri sendiri turut meluangkan masa bertemu keluarga anggota terkorban bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor jelas memperlihatkan timbang rasa dan penghargaan kepada wira negara.

SEMANGAT 1MALAYSIA

Selain itu, insiden Lahad Datu juga menjadi medan menyerlahkan penerimaan rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung apabila saling bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain.

Kesepaduan kerjasama digambarkan menerusi penghantaran tentera dari Semenanjung, petugas media dan agensi berkaitan diterima baik oleh penduduk sana.

Ini membuktikan bahawa penduduk Sabah bukanlah sebuah negeri asing bagi penduduk Semenanjung. Dengan jalinan kebersamaan ini tanpa adanya sempadan kaum, mengukuhkan lagi semangat 1Malaysia.

USAHA BERSAMA

Dalam aspek keselamatan, tiada jurang pemisah mempertahankan kedaulatan negara, melindungi keselamatan orang awam.

Najib sendiri menegaskan bahawa Sabah akan terus dipertahankan sebagai sebuah negeri dalam Malaysia dan tiada pihak yang patut mempertikaikan kedudukan mutlak itu.

Bagi memastikan Sabah tidak dirampas pegganas, kawalan keselamatan telah dipertingkatkan demi kesejahteraan penduduk Sabah. Ini termasuklah penghantaran tentera dari Semenanjung dan mewujudkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

ESSCOM, merupakan agensi penguatkuasaan bagi Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE) merangkumi 10 daerah sepanjang 1,400 kilometer di pantai timur Sabah.

JASAMU DIKENANG

Tragedi berdarah ini selain menyaksikan penyatuan suara, ia juga membuka mata masyarakat akan kesedaran peranan anggota keselamatan dalam mengekalkan

keamanan dan kemakmuran negara, kata Abdul Ghapa.

Ada segelintir berpandangan peranan tentera hari ini dilihat seperti tiada kepentingan, sekadar beraksi di pembarisan, pameran, ekspo serta pemberian bantuan.

"Orang ramai leka apabila berada dalam keadaan aman, tiada ancaman. Pasukan ini hendaklah sentiasa diberi penghargaan oleh masyarakat dan dianggap sebagai satu unsur penting dalam kewujudan sesebuah negara," katanya.

-- BERNAMA

ABAI RAWATAN, RISIKO "MAUT" MENANTI PESAKIT ASMA

Oleh Sakini Mohd Said

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Ramai pesakit asma meletakkan masa depan mereka dalam keadaan bahaya sehingga boleh "mengancam nyawa" ekoran mengabaikan rawatan dan nasihat doktor.

Ini kerana, mereka beranggapan bahawa penyakit asma atau lelah yang dihidapi berada pada tahap terkawal tanpa memerlukan pengambilan ubat dan rawatan sepertimana disyor para doktor.

Walhal, hakikat sebenarnya adalah sebaliknya.

Pada masa sama, sikap segelintir pesakit asma yang suka melengah-lengahkan rawatan biarpun mengetahui ia adalah penyakit paru-paru kronik, turut menyumbang kepada risiko itu.

Asma, adalah penyakit paru-paru kronik yang disebabkan keradangan di saluran udara paru-paru. Apabila terdedah kepada bahan yang boleh mencetuskan keradangan, dinding saluran udara ke paru-paru menjadi tebal dan membuatkan saluran ini menjadi sempit.

Implikasinya, akan membuatkan pesakit asma mengalami gejala seperti batuk, berdesit (nafas berbunyi seperti wisel), susah bernafas dan dada rasa ketat (seperti ditekan).

Menurut pakar, batuk sering berlaku pada malam atau awal pagi.

ASMA

Asma boleh dihidapi oleh semua peringkat umur namun ia sering bermula semasa zaman kanak-kanak.

Di Malaysia, dianggarkan 4.5 peratus daripada golongan dewasa adalah penghidap asma manakala kanak-kanak adalah golongan dominan pesakit ini iaitu sebanyak 7.1 peratus.

"Kesedaran dan pengetahuan mereka mengenai penyakit ini masih lagi rendah

malahan ada yang tidak tahu mengguna alat sedutan (inhaler) dengan betul. Ini boleh menyebabkan fungsi paru-paru menjadi semakin teruk.

"Amat penting, setiap pesakit asma mengetahui teknik penggunaan ubat sedutan dengan betul", kata Pengarah dan Pakar Perunding Kanan Perubatan/Respiratori, Institut Perubatan Respiratori Datuk Dr Abdul Razak Muttalif kepada Bernama.

TIADA PENAWAR

Menurut Dr Abdul Razak, penyakit ini sehingga kini tiada penawar dan adakalanya pesakit akan mengalami "serangan akut" asma pada bila-bila masa sahaja.

Apakah itu serangan akut?

Ia adalah serangan asma yang teruk dan perlu mendapatkan rawatan dengan segera supaya penat dan lelah berkurangan.

Biarpun tiada penawar, penyakit yang puncanya sukar dikenalpasti berikutan disumbangkan oleh beberapa faktor seperti genetik dan persekitaran ini masih boleh dirawat secara berkesan melalui proses perubatan yang teratur.

Yang penting, pesakit perlu mengawal asma dari peringkat awal supaya tidak menjadi lebih teruk sehingga mengakibatkan kematian.

Mereka disarankan tidak melengah-lengahkan rawatan, perlu mengikut nasihat doktor dan berpengetahuan akan cara menggunakan ubat sedutan dengan betul.

Dalam merawat penyakit asma, kebiasaannya ubat berbentuk sedutan lebih berkesan kerana ubat akan terus memasuki saluran udara dalam paru-paru iaitu tempat yang paling dikehendaki.

Terdapat dua jenis ubat sedutan iaitu ubat pencegahan (khususnya anti-keradangan seperti glukokortikosteroid) dan perlu diambil setiap hari dalam jangka masa panjang untuk mengelak serangan asma.

Manakala, ubat kedua ialah "pelega" (bronkodilator). Ia memberi kelegaan segera apabila pesakit mendapat serangan asma dan perlu dibawa setiap masa bagi menghilangkan gejala asma dalam masa singkat.

KE HOSPITAL

Walaupun penekanan mengenai kepentingan membawa alat sedutan ini ke mana sahaja mereka pergi disembarkan, namun masih ada lagi segelintir penghidap asma mengambil mudah akan perkara itu.

Dr Abdul Razak ketika menyentuh perihal berkenaan berkata tidak kira sama ada tahap asma mereka dalam keadaan sederhana atau teruk, alat sedutan itu perlu sentiasa dibawa bersama.

Namun, disebabkan oleh kepelbagaian "kepercayaan" atau mitos mengekang amalan demikian. Antaranya, penyakit ini jangan dimanjakan sangat. Apabila datang serangan asma, duduk, tenangkan diri dan bernafas perlahan-lahan, lama-kelamaan ia akan hilang sendiri.

"Sebenarnya, ini hanya akan mengurangkan penat mereka sahaja. Tetapi, asma mereka masih ada lagi. (Kepercayaan begini) bahaya. Mereka kena bawa "inhaler" setiap masa.

"Jadi, apabila dapat tanda-tanda serangan asma, mereka perlu pakai ubat itu dengan cepat. Jangan tunggu sampai terlambat kerana kebanyakan kematian asma ini disebabkan rawatan tidak diberi dengan cepat", katanya.

Kumpulan berisiko tinggi ialah yang tidak menerima rawatan cukup dan sempurna atau yang melengahkan rawatan apabila mengalami serangan asma akut.

Walaupun demikian, ada juga pesakit yang kerap mendapat serangan asma (tahap tidak terkawal) sengaja tidak mendapatkan rawatan atau tidak bergantung dengan alat sedutan kerana beranggapan jika terdapat serangan boleh terus ke hospital atau klinik.

Bagaimanapun, Pakar Runding Perubatan dan Respiratori, Hospital Pakar KPJ Damansara, Datuk Dr Zainudin Md. Zin mempersoalkan sikap itu kerana terdapat beberapa kes pesakit asma meninggal dunia kerana tidak sempat ke hospital."

KAWAL ASMA

Rutin terapi kawalan asma bukan sahaja dapat membantu menghalang serangan asma yang serius tetapi juga mengetahui langkah-langkah pencegahan serta cara mengatasi serangan asma di rumah.

Malah, ini membolehkan mereka untuk bergiat produktif serta aktif termasuklah dalam aktiviti sukan. Dan, ini bukanlah satu keadaan mustahil kerana Amy Van Dyken, perenang yang merangkul empat ingat emas pada Sukan Olimpik Athens dan dua pingat emas pada kejohanan sama di Sydney adalah penghidap asma.

Begitu juga dengan pemegang rekod maraton dunia, Paula Radcliffe.

Asma terkawal, bermaksud pesakit dapat menjalani kehidupan dengan baik, tiada serangan asma, tidak lagi terjaga pada tengah malam akibat simptom asma, tidak perlu menggunakan ubat pelega (hanya digunakan sekali-sekala) dan mampu bergiat aktif.

Malangnya, apa yang berlaku ialah ramai golongan kanak-kanak dan dewasa penghidap asma terpaksa tidak hadir ke sekolah dan tempat kerja masing-masing akibat penyakit asma mereka tidak terkawal.

Dr Zainudin berkata senario ini mungkin berpunca daripada sikap ibu bapa yang tidak menggalakkan ataupun mengelakkan anak mereka penghidap asma daripada aktif bersukan.

Walhal, asma yang dikawal dengan rawatan sewajarnya diikuti pengamalan hidup aktif mengikut kemampuan masing-masing mampu meningkatkan keupayaan paru-paru.

PENDIDIKAN ASMA PENTING

Persepsi mengekang kehidupan aktif, melengah-lengahkan rawatan, salah prosedur penggunaan ubat sedutan dan kepercayaan tidak betul mungkin berakar umbi daripada kurangnya fahaman mengenai penyakit asma.

Justeru, Dr Abdul Razak menyarankan penghidap asma bekerjasama dengan doctor mereka, apa yang perlu dilakukan, menjauhi pencetus-pencetus yang boleh mengakibatkan serangan asma.

Pencetus adalah bahan-bahan atau keadaan tertentu yang saluran udara penghidap asma adalah sangat sensitif terhadapnya dan boleh mengakibatkan serangan asma.

Antara pencetus ialah asap ekzos kereta, asap rokok, jerebu, cuaca yang terlalu panas atau sejuk dan tekanan perasaan atau terlalu gembira.

"Kalau asma boleh dikawal, ubat sedutan boleh dikurangkan. Doktor perlu didik pesakit cara menggunakan ubat dengan betul dan jangan sekadar deskripsi sahaja. Disyorkan setiap klinik atau hospital menjalankan kaunseling rawatan asma," katanya.

Dengan itu, pesakit akan memperoleh pengetahuan dan pendidikan asma yang berkesan dan membantu menghindari serangan akut.

-- BERNAMA

TAPAK SULAIMAN MAHKOTA BERDURI "PEMBUNUH" TERUMBU KARANG

Oleh Sakini Mohd Said

REDANG, 27 Jun (Bernama) -- Di sebalik panahan terik cahaya matahari petang itu, ia sedikit pun tidak membantutkan minat pelancong untuk terus membanjiri jeti Taman Laut Pulau Redang.

Masing-masing dengan senyuman yang tidak lekang di bibir, terukir jelas akan keterujaan pada wajah setiap mereka apabila sudah tidak sabar untuk menikmati keindahan panorama dasar laut menerusi aktiviti snorkel mahupun skuba.

Masakan tidaknya, lambaian pasir pantai pulau ini putih bersih ibarat kapas, kejernihan air laut yang biru dan hijau sehingga menampakkan sisi kehidupan marin di dalamnya, sekali gus menjadi syurga buat pencinta aktiviti air.

Mengambil masa kira-kira 45 minit untuk sampai ke pantai ini dari jeti Pantai Merang, Terengganu, kelihatan bot-bot saling tidak berhenti meluncur laju menghampiri jeti Pulau Redang untuk menurunkan pelancong.

Senario ini adalah biasa, namun dalam kebanyakan bot pelancong itu terdapat satu yang menarik perhatian ramai. Bagi pandangan ala kadar, ia tiadalah tarikan istimewa kerana hanya memperlihatkan sekumpulan penyelam yang bersantai keletihan di kaki lantai bot sementara menjengah ke jeti.

Akan tetapi, melihat mereka memegang jaring dipenuhi "sesuatu" dan diletakkan pula di kereta sorong yang sudah sedia menanti di tepi tangga jeti, merungkai seribu satu persoalan kepada para pelancong.

IA BUKAN SAMPAH

Hendak dikatakan "sampah", langsung tidak kelihatan sedemikian rupa. Pada masa sama, seorang daripada penyelam itu menasihatkan orang ramai supaya tidak menghampiri mereka kerana "benda" itu berbahaya dan mempunyai sengatan berbisa kepada sesiapa sahaja yang terkena.

Ini membuatkan pelancong lagi tertanya-tanya akan apakah isi di sebalik

jaring itu sekali gus menarik perhatian lebih ramai orang.

Penyelam-penyelam itu pula, sementelah mengumpulkan segala jaring-jaring di dalam kereta sorong berkenaan terus membuangnya ke dalam lubang yang sudah siap digali di tepi pantai.

"Inilah yang dipanggil haiwan tapak sulaiman mahkota berduri atau Cots (Crown Of Thorns). Ia amat berbahaya dan perlu dimusnahkan.

"Cara untuk memusnahkannya ialah dengan menanamkannya. Tidak boleh bunuh dengan objek tajam kerana itu akan membuatkan COTs ini hidup semula," kata Ahmad Ridzuan Hussin, antara penyelam yang terlibat dalam program "Reef Clean Up Pulau Redang".

APAKAH ITU COTs?

Berbentuk bulat dan memiliki duri-duri yang beracun, COTs biasanya berwarna ungu, biru, perang muda, hijau dan hitam adalah haiwan pemangsa yang menyerang dan mengancam ekosistem hidupan karang.

Haiwan ini boleh didapati secara semula jadi di kawasan terumbu karang dengan kepadatan 1-20 ekor per hektar.

Akan tetapi, menjadi satu permasalahan apabila haiwan bersaiz diameter 30-40 cm bagi dewasa dan boleh membesar sehingga 70 cm ini mengalami percambahan peningkatan populasi secara besar-besaran dalam masa singkat.

Dikenali sebagai "outbreaks" yang mana bilangannya akan bertambah kepada lebih 30 sehingga 1,000 ekor sehektar, menjadi antara faktor kerosakan terumbu karang.

Ini kerana, makanan utama haiwan dewasa ini adalah selaput lembut karang dan akan memakannya dengan mengeluarkan organ pemakanannya daripada bahagian bawah badan untuk menyaluti kawasan karang.

Secara tidak langsung, ia akan menghancurkan tisu lembut karang dan seterusnya mematikan karang itu. Difahamkan seekor COTs berkebolehan untuk memusnahkan kawasan terumbu karang seluas 10 meter per segi dalam setahun.

"Program Reef Clean Up ini akan dapat memelihara dan melindungi ekosistem marin termasuklah terumbu karang. Bagi tujuan ini, kami akan menyelam di satu-satu lokasi dan mengutip segala sampah termasuklah COTs.

"Sebaiknya ia perlu dilakukan sebelum bulan September kerana pada waktu itu COTs akan membiak. Haiwan ini berkebolehan membiak dengan cepat dan spesies betina boleh menghasilkan sehingga 60 juta telur dalam satu masa musim mengawan," kata Ahmad Ridzuan.

PENTING SANGATKAH KARANG?

Kepentingan mengenai pengekalan terumbu karang telah acapkali diperhebahkan, namun masih ada antara kita beranggapan sempit bahawa ia hanyalah berkepentingan dari sudut nilai eko-pelancongan sahaja.

Bagi komuniti ini, kelestarian hidupan karang yang sihat adalah gerbang penarikan pelancong serata dunia. Ribuan ringgit sanggup dibelanjakan untuk datang ke mari semata-mata menerokai keindahan khazanah amat bernilai itu.

Daripada satu sudut tidak dinafikan akan keunikan liuk lentuk serta kemeriahan warna terumbu karang ini yang masih banyak di dasar laut negara yang masih terjaga, dan ini terbukti apabila Malaysia tergolong dalam 12 buah negara mega biodiversiti di dunia.

Akan tetapi, usaha konservasi akan anugerah ini perlu dilakukan berterusan dan tidak sekadar berpaksikan kepada faktor penyumbangan penjana ekonomi negara sahaja.

Malahan, kewajarannya adalah lebih daripada itu berikutan kelangsungan ekosistem terumbu karang sangat penting sebagai sumber penyediaan makanan negara, kata Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia Kamarruddin Ibrahim.

Di Malaysia, hampir 30 peratus ikan yang ditangkap bergantung kepada terumbu karang. Dalam lingkungan terumbu karang juga terdapat banyak sumber berpotensi untuk ubatan baru dan bahan kimia yang mungkin bermanfaat kepada manusia.

"Terumbu karang adalah tempat untuk ikan komersial atau lain-lain hidupan marin berlindung, membiak, membesar dan mencari makan. Ia tempat pembekalan sumber ikan sekali gus menjamin keselamatan makanan negara," katanya.

Tambahnya, peratusan kerosakan ekosistem terumbu karang oleh COTs adalah 42 peratus dan ini boleh menyebabkan penurunan populasi ikan yang bergantung kepada karang.

KERJASAMA SWASTA PENTING

Oleh itu, gerakan pengekalan dan pemanjangan jangka hayat terumbu karang negara perlu melibatkan gandingan dan pen gembleran semua pihak, dan tidak tergalas kepada bahu kerajaan sahaja, kata Kamarruddin.

Ini kerana, terumbu karang memerlukan masa agak lama iaitu 10-20 tahun untuk pulih setelah dimusnahkan oleh COTs. Memandangkan hakikat itu, Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) sentiasa menganjurkan program-program berbentuk kelestarian marin termasuklah "Reef Clean Up Pulau Redang".

Istimewanya, program sebegini sentiasa mendapat kerjasama baik daripada pihak-pihak swasta, persendirian dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kesemua kawasan Taman Laut yang sinonim dengan ekosistem terumbu karang ditadbir dan diurus oleh JTLM, satu agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Akan tetapi, kerjasama semua amat penting.

"Dan saya melahirkan rasa bangga kerana masih ada lagi rakyat prihatin terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan terumbu karang. Ini terbukti apabila kira-kira 50 penyelam skuba agensi kerajaan, swasta, NGO terlibat dalam program "Reef Clean Up Pulau Redang" yang meliputi aspek pengutipan sampah dan COTs," katanya.

Pendek kata, ikatan jalinan permuafakatan bersama ini akan memberi manfaat kepada semua termasuk pewarisan kepada generasi akan datang untuk turut berpeluang menikmati suatu keindahan yang sukar diekspresi melalui kata-kata.

-- BERNAMA

MENEROKAI KONSERVASI KARANG SECARA PRAKTIKAL, LEBIH EFEKTIF

Oleh Sakini Mohd Said

REDANG, 28 Jun (Bernama) -- Bagaikan dipukau, beberapa kanak-kanak yang sebelum itu leka dan berseronok berenang serta bermain ombak di Taman Laut Pulau Redang, secara tiba-tiba menghentikan aktiviti mereka.

Langsung tidak berkedip, malahan mata kumpulan anak kecil ini begitu asyik mengekori setiap langkah sekumpulan warga dewasa yang lengkap dengan peralatan snorkel melakukan sesuatu di gigi pantai.

Kelihatan dari jauh seperti mengikat benda di sebuah bingkai berbentuk empat segi yang diperbuat menggunakan batang paip PVC. Selepas habis satu diikat, ada antara kumpulan warga dewasa itu menyelam mencari bahan berupa seperti ranting kayu untuk diikatkan ke bingkai berkenaan.

Pelik dan tidak faham akan perlakuan mereka menyebabkan kanak-kanak dan pelancong dewasa merapatkan jarak dengan peserta kumpulan ini untuk melihat dengan lebih jelas.

"Pak cik tengah buat apa itu," cetus suara anak kecil Steven Wong, 7, menguraikan suasana ingin tahu petang itu sementelah tidak mahu lagi dibelenggu dengan persoalan minda.

"Pak cik dari Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) tengah melakukan aktiviti pemulihan karang," jelas Pegawai Bahagian Pendidikan JTLM Zakaria Tayib sambil tersenyum melihat reaksi anak kecil itu.

TIDAK FAHAM, APAKAH ITU?

Pemulihan karang, adalah antara satu program konservasi yang terangkum dalam peranan JTLM, menjurus ke arah penjanaaan semula kawasan karang yang telah mengalami kerosakan kepada keadaan semula jadinya.

Perubahan iklim dunia bersama tekanan luaran hasil daripada punca setempat akan menyebabkan persekitaran marin terancam khasnya kepada khazanah terumbu

karang negara.

Pelbagai bencana seperti fenomena kelunturan karang akibat oleh peningkatan suhu air laut luar biasa dan kehadiran haiwan tapak sulaiman mahkota berduri (COTs) boleh menyebabkan kematian karang.

Justeru, program pemulihan karang secara ekstensif telah digerakkan sejak 2011 di Pulau Tioman dan Perhentian menerusi kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Reef Check Malaysia dalam membantu pelestarian ekosistem terumbu karang.

Program ini yang turut mendapat nasihat daripada pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), telah menyaksikan hampir 10,000 anak karang ditanam sehingga saat ini di pulau Tioman dan Perhentian.

Melihat kepada keberkesanan projek ini, ia akhirnya telah diperluaskan dan kini turut meliputi usaha pemuliharaan terumbu karang Pulau Redang, antara satu Taman Laut terletak di Terengganu.

Difahamkan, karang berbentuk "branching" dan "staghorn" dari jenis *Acropora* spp. sering digunakan.

MEMINIMUMKAN PEMEGANGANNYA

Istimewanya, program pemulihan karang di Pulau Redang petang itu, yang turut disertai oleh sekumpulan media, tidak sekadar meliputi penarikan perhatian ramai, akan tetapi menyuntik semangat mereka untuk bersama-sama membantu usaha pemuliharaan itu.

Keterujaan kumpulan anak kecil mencari karang untuk diikat pada tukun tiruan batang paip PVC itu turut menggerakkan minat ibu bapa mereka untuk bersama-sama menggembelngkan tenaga.

"Apabila sudah dapat cengkarang ini, kita ikatkan ia di batang paip PVC menggunakan "cable tie". Batang paip PVC, sebelum itu telah dicantumkan dengan menggunakan gam membentuk sebuah bingkai.

"Sebaiknya, ketika proses pemulihan tolong minimumkan pemegangan karang dan

jangan biarkan ia terpisah daripada air laut kerana itu boleh mematikan karang," jelas Zakaria kepada orang ramai.

Untuk satu bingkai, sebanyak 24 karang telah diikat pada tukun-tukun tiruan itu dan dibawa ke tapak yang dikenalpasti di dasar laut.

Kejayaan program ini dipengaruhi oleh kepelbagaian faktor dan berbeza-beza mengikut lokasi. Akan tetapi, faktor penting yang harus ditekan ialah kualiti air laut bersih dan tekanan luaran harus pada tahap rendah terutama semasa proses penanaman.

PRAKTIKAL, LEBIH FAHAM

Sambil sibuk menyiapkan proses mengikat karang pada tukun tiruan itu, Zakaria turut menyelitkan elemen pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan hidupan marin dalam kalangan pelancong khususnya kanak-kanak.

"Nanti apabila sudah dewasa, kerjalah seperti pak cik. Kerja macam ini bagus kerana dapat membantu menjaga kecantikan, keindahan panorama dasar laut dan kelangsungan hidupan marin dan pantai kita.

"Lagipun bukannya untuk siapa, tetapi untuk kita dan generasi akan datang," nasihat Zakaria kepada beberapa kanak-kanak kecil yang berdekatan dengannya semasa mengikat karang pada batang paip PVC.

Zakaria memberitahu Bernama, kaedah praktikal sedemikian mempunyai kuasa lebih mangkus/mujarab dalam pemupukan kesedaran mengenai kepentingan ekosistem hidupan marin.

Jelasnya, kenyataan itu adalah berdasarkan daripada pengalaman sebelum ini yang dilihat setiap kali program pemulihan karang dijalankan di mana-mana Taman-taman Laut negara.

Sepertimana yang berlaku di Pulau Redang pada petang itu, ramai teruja dan turut serta, begitu jugalah senario serupa yang acapkali berlaku semasa program pemulihan karang.

AGRESIF LAGI

Sebagai sebuah badan yang diberi tanggungjawab menguruskan 42 Taman-taman Laut negara ini, JTLM sememangnya memainkan peranan penting dalam pemanjangan dan pelestarian hidupan marin.

Ini termasuklah memastikan kelangsungan hidupan karang ataupun terumbu karang yakni khazanah negara yang amat bernilai agar tidak menjadi tinggalan sejarah berdasarkan kepada nilai kepentingannya itu.

Ia tidak sekadar melingkari aspek pembiakan, pencarian makanan bagi ikan-ikan komersial, pembekalan stok makanan kepada manusia malahan terumbu karang berperanan penting melindungi pesisir pantai yang terdedah kepada ancaman hakisan kuat ribut dan ombak.

Oleh itu, pendekatan bersifat kesedaran telah diberi penekanan jitu oleh JTLM menerusi penyaluran informasi kepada semua termasuklah komuniti penduduk setempat.

Sememangnya, perlindungan sumber-sumber marin adalah tanggungjawab setiap orang kerana mempunyai "kuasa" untuk pengekalan akan khazanah ini.

-- BERNAMA